

21 MAY 1999

Mahathir-Kecewa

NEGARA TIDAK BOLEH DISERAHKAN KEPADA ORANG KECEWA -- MAHATHIR

KOTA TINGGI, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara ini tidak boleh diserahkan kepada "orang yang kecewa" seperti mereka yang merusuh di jalanan dan membakar tong sampah.

Katanya, orang jenis itu belum boleh menubuhkan kerajaan kerana mereka hanya pandai merusuh dan membakar di sana-sini.

"Jangan cuba buat parti hendak perintah negara ini. Orang ini boleh bakar tong sampah, bakar bendera BN (Barisan Nasional). Kalau boleh bakar bendera, belum boleh jadi kerajaan.

"Kita tidak benarkan orang macam ini mendapat tempat dalam negara ini," katanya ketika berucap pada Majlis Bersama Rakyat di Padang Sekolah Rendah Kebangsaan Felda Pengeli Timur, dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata sekiranya golongan itu kecewa mereka boleh mencari jalan lain untuk membuktikan kekecewaan mereka tetapi mereka tidak berhak menjadi kerajaan kerana mereka cuma cekap membakar dan memaki hamun orang lain.

"Kalau mereka begitu cekap membakar tong sampah, kita akan bekalkan tong sampah... bakarlah," kata beliau.

Perdana Menteri berkata tindakan golongan itu menunjukkan bahawa mereka sudah tidak ada lagi idea dan tidak mempunyai pemikiran yang waras.

"Kalau sudah hilang akal untuk melawan... berbahas sudah sampai ke tahap memaki hamun, ini menunjukkan mereka tidak ada idea lagi. Sebab itu mereka terpaksa mencerca dan melempar fitnah menggunakan internet untuk maki orang itu dan orang ini," katanya.

Dr Mahathir berkata orang seperti itu tidak layak sama-sekali diberikan tempat kerana suka berbohong sehingga sanggup, satu ketika dulu, mengatakan beliau telah meninggal dunia.

Katanya, orang seperti ini tidak layak diberi satu undi pun, dan lagipun nasib rakyat tidak akan berubah jika mereka diberi peluang untuk menjadi pemerintah.

Perdana Menteri berkata inilah jenis orang yang akan datang ke tanah rancangan Felda untuk merayu undi, melempar fitnah dan cuba mendapatkan sokongan melalui usaha membenci kerajaan dan pemimpin kerajaan.

Mereka berharap apabila rakyat benci kepada kerajaan dan pemimpin kerajaan maka rakyat akan memberi undi kepada mereka, katanya.

"Bila kita beri undi kepada mereka dan mereka menang, kita tidak dapat apa-apa. Kita dapat kosong. Tidak akan ada rancangan Felda yang diusahakan oleh mereka kerana mereka tidak mempunyai apa-apa kecuali kebolehan memaki hamun, melempar fitnah dan kata-kata kesat."

Dr Mahathir berkata beliau bukan bertujuan berkempen untuk pilihan raya umum walaupun pilihan raya akan diadakan selewat-lewatnya April tahun depan.

Menurutnya, beliau hanya bertanggungjawab untuk menjelaskan kepada rakyat terutama penyokong kerajaan tentang kewujudan orang sedemikian yang akan cuba datang merayu undi dan mendapatkan sokongan semata-mata untuk kepentingan diri mereka.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak pernah lalai memikirkan nasib rakyat kerana ia dipilih oleh rakyat dan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk berkhidmat kepada rakyat.

Menurutnya, kerajaan sentiasa memerah otak dan mencari jalan supaya rakyat dapat hidup lebih bahagia dan oleh sebab itu apabila orang asing cuba menjatuhkan nilai ringgit dan saham, usaha itu dapat dipatahkan.

"Alhamdulillah, usaha mereka digagalkan dan kita sekali lagi dapat menguasai ekonomi kita dan dapat tumbuh semula. Bila tumbuh, kita semua akan mendapat nikmat," katanya.

Beliau berkata kerajaan berfikir sepanjang masa cara mana hendak menolong rakyat dan itu menjadi prinsip perjuangan BN yang ingin melihat rakyat mendapat pendapatan bertambah sepanjang masa.

Oleh sebab itu, katanya, adalah amat penting rakyat terus bersatu dan berusaha untuk membangunkan negara supaya negara menjadi sebuah negara maju sama seperti negara-negara maju di Eropah.

"Kita tidak boleh mendapat kekayaan dengan cara hanya menuntut menjadi kaya tetapi tidak membuat apa-apa kerja. Lebih buruk lagi kalau kita merusuh, berdemonstrasi di jalan raya meminta itu dan ini tetapi kita sendiri tidak berusaha."

Sepanjang acara selama kira-kira dua jam itu dan dalam keadaan hujan, orang ramai yang penuh sesak membanjiri Padang Sekolah Rendah Kebangsaan Felda Pengeli Timur tidak berganjak mendengar ucapan Perdana Menteri walaupun dalam keadaan basah.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam.

Pada majlis itu juga seramai 10 orang wakil peneroka dari lima rancangan tanah Felda di Johor menerima surat hak milik masing-masing daripada Perdana Menteri.

Kelima-lima tanah rancangan Felda yang diberikan hak milik itu ialah Felda Taib Andak, Felda Bukit Batu, Felda Air Tawar 4, Felda Pasir Raja dan Felda Pengeli Timur.

Felda Pengeli Timur, yang meliputi kawasan seluas 1,885.65 hektar, dimajukan pada 1973 dan seramai 460 peneroka ditempatkan di situ pada Disember 1977.

Jumlah penduduk di kawasan tanah rancangan itu kini berjumlah 4,700 orang.

-- BERNAMA
MKO ZKS NMO